

1. Nelayan itu mendayung _____ ke tengah sungai untuk menangkap ikan.

☐ A feri
☐ B kapal
☐ C bahtera
☐ D sampan

2. Kerja-kerja penyuntingan filem itu dilakukan setelah rakaman di _____ penggambaran selesai.

☐ A latar
☐ B ruang
☐ C lokasi
☐ D destinasi

3. Suzana mengalami masalah penampilan diri akibat perubahan _____ dalam badannya.

☐ A sel
☐ B otot
☐ C organ
☐ D hormon

4. Masyarakat mestilah menjaga _____ diri dan alam sekitar demi kesejahteraan hidup.

☐ A kecantikan
☐ B kebersihan
☐ C keselesaan
☐ D kehormatan

5. Ibu merebus _____ lembu itu sehingga empuk sebelum mencarik-cariknya untuk dibuat serondeng.

☐ A hati
☐ B perut
☐ C tulang
☐ D daging

6. Kehadiran _____ ke rumah anak-anak yatim ini telah menceriakan hati mereka.

☐ A puan sri Ariana Yasin
☐ B puan Sri Ariana Yasin
☐ C Puan sri Ariana Yasin
☐ D Puan Sri Ariana Yasin

7. Kami membaca beberapa buah buku untuk mengetahui _____ tokoh bahasa itu.

☐ A biologi
☐ B biografi
☐ C geografi
☐ D demografi

8. Oleh sebab adik teringin hendak menyaksikan perlumbaan motosikal secara langsung, ayah membawa kami sekeluarga menonton Kejohanan MotoGP.

☐ A litar
☐ B trek
☐ C jalan
☐ D lorong

9. Kami sekeluarga berkunjung ke _____ yang diadakan di Kuala Lumpur semalam.

☐ A Festival kuih tradisional
☐ B Festival Kuih tradisional
☐ C Festival kuih Tradisional
☐ D Festival Kuih Tradisional

10. Remaja yang berkualiti perlu dibentuk agar _____ negara dapat dicapai.

☐ A intuisi
☐ B aspirasi
☐ C inspirasi
☐ D toleransi

11. Bangunan _____ langit itu milik Tan Sri Vincent.

☐ A pencakar
☐ B pencerah
☐ C pendakap
☐ D pelengkap

12. Fairuz merujuk _____ untuk mencari maksud kata dan memperkaya kosa kata.

☐ A diari
☐ B buku
☐ C kamus
☐ D majalah

13. Penggunaan _____ telah memudahkan kerja-kerja menuai padi pada hari ini.

☐ A alat
☐ B robot
☐ C motor
☐ D jentera

14. Bapa saudara saya akan bertanding bagi _____ Batu Pahat pada pilihan raya nanti.

☐ A negeri
☐ B negara
☐ C daerah
☐ D parlimen

15. Notis penutupan lorong bagi kerja-kerja penurapan jalan di lebuh raya itu dikeluarkan _____.

- ☐ A Lembaga Lebuhraya Malaysia
- ☐ B Lembaga lebuhraya Malaysia
- ☐ C lembaga Lebuhraya Malaysia
- ☐ D lembaga lebuhraya Malaysia

16. Guru-guru itu menghadiri kursus untuk memahami konsep _____ yang diterapkan dalam strategi pembelajaran abad ke-21.

- ☐ A Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)
- ☐ B Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (kbat)
- ☐ C Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat)
- ☐ D Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

17. Seni bina _____ yang menjadi lambang kebanggaan keluarga diraja Negeri Sembilan itu sangat istimewa.

- ☐ A istana
- ☐ B rumah
- ☐ C muzium
- ☐ D kampung

18. Banyak _____ asing berlabuh di Pelabuhan Pasir Gudang.

- ☐ A lori
- ☐ B kapal
- ☐ C kereta
- ☐ D motosikal

19. Kedua-dua orang pemain itu telah bersiap sedia di tepi _____ untuk memulakan perlawanan badminton.

- ☐ A gelanggang
- ☐ B balapan
- ☐ C padang
- ☐ D pentas

20. Tokoh budayawan itu sering menjadi _____ untuk menanyakan hal yang berkaitan dengan budaya tradisional masyarakat Melayu.

- ☐ A ikutan
- ☐ B rujukan
- ☐ C ingatan
- ☐ D saranan